



Mari, Ikutlah Aku—
Untuk Imamat Melkisedek dan
Lembaga Pertolongan



*Cari sumber-sumber ini di
aplikasi Gospel Library dan
di comefollowme.lds.org.*



Apa yang berbeza?

Di zaman akhir ini, Tuhan telah memulihkan imamat dan membentuk kuorum imamat dan Lembaga Pertolongan untuk membantu melaksanakan pekerjaan-Nya (lihat Musa 1:39). Oleh itu, apabila kita berkumpul dalam pertemuan Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan setiap Ahad, kita berkumpul untuk membincangkan dan merancang bagaimana kita akan melak-

sanakan pekerjaan-Nya. Itulah sebabnya pertemuan ini perlu menjadi lebih dari sebuah kelas. Ia juga adalah peluang untuk mendapatkan nasihat tentang pekerjaan penyelamatan, belajar bersama dari ajaran para pemimpin Gereja tentang pekerjaan itu, dan mengatur cara untuk melaksanakannya. Perubahan ini pada pertemuan Ahad akan membantu kita memenuhi tujuan ini.

Jadual Bulanan

Pertemuan Ahad Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan akan mengikuti jadual bulanan ini:

MINGGU	TUJUAN
Ahad Pertama	Mendapatkan nasihat bersama mengenai tanggungjawab, peluang, dan cabaran tempatan dan membuat rancangan untuk bertindak.
Ahad Kedua dan Ketiga	Mempelajari pesanan persidangan umum baru-baru ini yang dipilih oleh presidensi atau pemimpin kumpulan atau kadang-kadang oleh uskup atau presiden pancang.
Ahad Keempat	Bincangkan tajuk khusus yang dipilih oleh Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul.
Ahad Kelima	Bincang tajuk yang dipilih oleh lembaga uskup.



Corak untuk Pertemuan Kita

Dalam setiap pertemuan Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan, kita mengikuti corak untuk melaksanakan pekerjaan Tuhan.

1. *Berkongsi pengalaman* hasil dari tanggapan dan jemputan yang diterima dalam pertemuan imamat atau Lembaga Pertolongan sebelumnya (dipimpin oleh ahli presidensi atau pemimpin kumpulan).
2. *Mendapatkan nasihat bersama* (Ahad pertama, dipimpin oleh ahli presidensi atau pemimpin kumpulan) atau belajar bersama (Ahad kedua, ketiga, dan keempat, dipimpin oleh seorang pengajar yang dipanggil).
3. *Merancang untuk bertindak* sebagai satu kumpulan atau sebagai individu (dipimpin oleh ahli presidensi atau pemimpin kumpulan).



MESYUARAT MAJLIS AHAD PERTAMA

Pada Ahad pertama setiap bulan, mesyuarat kuorum, kumpulan, dan Lembaga Pertolongan tidak akan mempunyai pelajaran yang diajar oleh pengajar. Sebaliknya, presidensi atau pemimpin kumpulan akan memimpin mesyuarat majlis. Setiap kuorum, kumpulan, atau Lembaga

Pertolongan akan mendapat nasihat bersama mengenai tanggungjawab, peluang, dan cabaran tempatan; belajar dari pandangan dan pengalaman masing-masing; dan merancang cara untuk bertindak pada tanggapan yang diterima daripada Roh.

Sebelum Mesyuarat Majlis

- Para pemimpin mengenal pasti tanggungjawab, peluang, dan cabaran tempatan dan memilih tajuk dengan doa untuk di bincang.
- Semua orang mencari bimbingan Roh.
- Semua orang bersiap untuk berkongsi pemikiran dan pengalaman.

Semasa Mesyuarat Majlis

- Para pemimpin menjemput ahli untuk berkongsi pengalaman tentang tindakan mereka berdasarkan tanggapan yang mereka terima dari mesyuarat sebelumnya.
- Semua orang mendapatkan nasihat bersama tentang tajuk tersebut, mendengar satu sama lain, dan mencari bimbingan Roh.
- Para pemimpin merumuskan perkara utama dan memberi jemputan untuk bertindak.

Selepas Mesyuarat Majlis

- Semua orang bertindak pada tanggapan dan jemputan, bersama-sama dan sebagai individu.
- Semua orang bersiap sedia untuk berkongsi pengalaman mereka dalam mesyuarat masa depan.



**“WAHYU BERADA
DIKALANGAN KITA.”¹**

Elder Neil L. Andersen

**“KITA IALAH
TANGAN-NYA.”²**

President Dieter F. Uchtdorf

NOTA

1. Neil L. Andersen, dalam Adam C. Olson, “Handbook Training Emphasizes Work of Salvation,” *Ensign* atau *Liahona*, Apr. 2011, 76.
2. Dieter F. Uchtdorf, “You Are My Hands,” *Ensign* atau *Liahona*, Mei 2010, 68.

Asas-asas Mendapatkan Nasihat Bersama

Tidak semua mesyuarat majlis kelihatan sama. Biarkan Tuhan mengajar anda. Ini adalah beberapa asas untuk membantu anda bermula:

1. Tujuan mesyuarat majlis adalah untuk mendapatkan nasihat bersama tentang tanggungjawab, peluang, dan cabaran tempatan; belajar dari pandangan dan pengalaman masing-masing; dan merancang cara untuk bertindak pada tanggapan yang diterima daripada Roh.
2. Mesyuarat majlis hendaklah membawa kepada tindakan—rancangan individu dan kumpulan, yang diilhamkan oleh Roh, untuk bertindak di luar mesyuarat untuk melaksanakan pekerjaan Tuhan (lihat A&P 43:8–9).
3. Majlis harus menggunakan kitab suci dan kata-kata para nabi dan rasul zaman akhir, Penguasa Umum lain, dan Pegawai Umum untuk membimbing dan menyokong perbincangan. Dengan cara ini, kata-kata para pemimpin Gereja yang diilhamkan dapat membantu kuorum, kumpulan, dan Lembaga Pertolongan menangani

- keperluan penting.
4. Perbincangan tidak boleh menyentuh isu sulit atau sensitif mengenai ahli individu atau keluarga.
 5. Walaupun mesyuarat majlis dipimpin oleh seorang ahli presidensi atau pemimpin kumpulan, dia tidak menguasai perkongsian. Pemimpin memperkenalkan satu isu untuk perbincangan dan menjemput semua orang untuk berkongsi pemikiran dan pengalaman, seperti yang dibimbing oleh Roh.
 6. Walaupun tiada siapa yang harus merasa tertekan untuk menyertai, semua orang harus berasa selamat untuk berkongsi komen dan idea tanpa takut dikritik.
 7. Jika boleh, duduk dalam bulatan boleh membantu memupuk semangat perkongsian dan perbincangan terbuka.

Tajuk yang Mungkin untuk Mesyuarat Majlis Ahad Pertama

Idea untuk tajuk yang dibincangkan dalam mesyuarat majlis boleh datang dari majlis bahagian, mesyuarat presidensi, rancangan kawasan, tanggapan pemimpin dari melayani ahli, dan tanggapan Roh



Kudus. Tajuk di bawah adalah cadangan sahaja. Pemimpin mungkin menyedari keperluan lain yang mereka rasa diilhamkan untuk ditangani.

- Bagaimanakah kita dapat mengutamakan semua tanggungjawab kita yang berbeza dengan lebih baik?
- Bagaimanakah kita dapat mendekati diri kepada Tuhan dan menerima lebih banyak bimbingan daripada Roh dalam kehidupan kita dan di rumah kita?
- Bagaimanakah kita akan berkongsi injil dengan kawan-kawan dan jiran-jiran kita? (lihat Alma 17).
- Bagaimanakah kita dapat melindungi diri kita dan keluarga kita dari media yang tidak sesuai dan bahan lucu? (lihat A&P 42:22–23).
- Apa yang akan kita lakukan untuk membantu mentor dan menguatkan anak-anak kita dan pemuda-pemuda di bahagian kita?
- Bagaimana kita meningkatkan kesatuan dalam kuorum, kumpulan, atau Lembaga Pertolongan kita? (lihat Mosia 18:19–22).
- Bagaimanakah kita dapat lebih terlibat dalam kerja sejarah keluarga dan penyembahan bait suci?
- Bagaimanakah kita menjemput bantuan Tuhan ketika kita mencari jawapan kepada soalan-soalan kita dan pemahaman yang lebih mendalam tentang injil?
- Bagaimana ibu bapa boleh menjadi pemimpin yang lebih baik di rumah?
- Bagaimanakah kita dapat menguatkan kesaksian kita tentang Tuhan dan injil-Nya dan membantu keluarga kita untuk berdikari secara rohani?
- Apakah maksudnya untuk melayani? Bagaimana kita melayani orang-orang di sekeliling kita? (lihat 1 Petrus 4:11).

Sekiranya mungkin, para pemimpin mungkin ingin membiarkan ahli mengetahui tentang tajuk terlebih dahulu supaya mereka boleh bersiap sedia untuk membincangkannya.

PERTEMUAN AHAD KEDUA DAN KETIGA

Pada Ahad kedua dan ketiga setiap bulan, Kuorum Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan mempelajari ajaran-ajaran para nabi yang hidup, Para Rasul, dan para pemimpin Gereja yang lain dari persidangan umum yang paling terbaru ini. **Apa-apa pesanan dari persidangan yang paling terbaru ini boleh dibincangkan.**

Dalam kebanyakan kes, presiden kuorum, pemimpin kumpulan, atau presidensi Lembaga Pertolongan akan memilih pesanan persidangan untuk belajar berdasarkan keperluan ahli-ahli, walaupun uskup atau presiden pancang boleh memberi input. Pemimpin boleh memilih pesanan yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan dalam mesyuarat majlis Ahad pertama, atau mereka boleh memilih pesanan lain berdasarkan ilham Roh. Pemimpin dan pengajar harus mencari cara untuk menggalakkan ahli membaca terlebih dahulu pesanan yang dipilih dan bersiap untuk berkongsi pandangan. Aktiviti pembelajaran yang dicadangkan di bawah, yang berdasarkan asas-asas dalam Mengajar dengan Cara Juruselamat boleh melibatkan ahli dalam pembelajaran dari pesanan persidangan umum.

Sharon Eubank, “Sinarkan Cahaya Anda”

Mintalah ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan anda untuk memikirkan bagaimana kehidupan mereka dipengaruhi oleh seorang wanita yang soleh dan beriman. Pertimbangkan untuk menjemput beberapa ahli untuk berkongsi bagaimana wanita ini menggambarkan satu atau lebih ciri-ciri wanita yang baik yang digariskan dalam pesanan Sister Eubank. Apa yang kita pelajari daripada Sister Eubank tentang bagaimana kita boleh menjadi “tenaga ketara dalam peningkatan bilangan dan perkembangan rohani Gereja di hari-hari terakhir”?

Neill F. Marriott, “Tinggal Di Dalam Tuhan Dan Memperbaiki Celah”

Pesanan ini dapat membantu ahli yang mungkin merasa terpisah daripada Bapa Syurgawi atau daripada orang-orang di sekeliling mereka. Apa yang akan membantu orang yang anda ajar memahami apa itu celah? Mungkin anda boleh membawa gambar pelbagai jenis

celah. Bagaimanakah Sister Marriott memberi definisi celah? Apakah yang boleh menyebabkan celah dalam hubungan kita dengan Tuhan dan orang lain? Jemput ahli-ahli untuk mencari pesanan Sister Marriott untuk cadangan mengenai apa yang boleh kita lakukan untuk memperbaiki celah dalam kehidupan kita. Berikan ahli masa untuk menulis apa yang Roh menggesa mereka untuk lakukan untuk lebih mendekati Tuhan dan orang lain.

Joy D. Jones, “Nilai Yang Tidak Dapat Diukur”

Apakah berkat-berkat yang mengalir ke dalam hidup kita apabila kita memahami identiti ilahi kita? Untuk menjawab soalan ini, ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan anda boleh mengkaji bersama cerita Mariama, Renu, dan Taiana dalam pesanan Sister Jones. Nasihat apa yang diberikan oleh Sister Jones untuk membantu kita “mengingat dan memeluk identiti ilahi kita”? Jemput ahli untuk mencari dan membincangkan petikan kitab atau petikan dalam pesanan Sister Jones yang membantu mereka memahami nilai sebenar mereka kepada Tuhan. Jemput mereka untuk berkongsi salah satu tulisan suci atau petikan ini dengan seseorang yang memerlukan peringatan tentang nilai ilahinya.

Dieter F. Uchtdorf, “Tiga Saudari”

Salah satu cara untuk mengkaji pesanan Presiden Uchtdorf adalah untuk membahagikan kuorum atau Lembaga Pertolongan kepada kumpulan-kumpulan kecil. Anda boleh memberikan setiap kumpulan membaca tentang salah seorang saudari dalam pesanan Presiden Uchtdorf. Setiap kumpulan boleh menulis surat kepada saudari itu dengan meringkaskan nasihatnya dan berkongsi apa yang mereka tulis dengan kumpulan lain. Apa yang boleh kita lakukan untuk menjadi seperti saudari ketiga? Bagaimanakah kita boleh membuat kuorum atau Lembaga Pertolongan kita sebagai “rumah yang selamat” bagi mereka yang bergelut?

Dieter F. Uchtdorf, “Keinginan Untuk Kembali Rumah”

Bagaimanakah anda dapat membantu orang yang anda ajar mengenali



bagaimana Tuhan menggunakan mereka untuk memberkati orang lain? Anda boleh menjemput mereka untuk mengkaji semula bahagian pesanan Presiden Uchtdorf yang bertajuk “Tuhan Akan Menggunakan Anda,” mencari janji-janji yang dibuat kepada mereka yang berusaha untuk melayani dalam kerajaan Tuhan walaupun dengan kelemahan mereka. Membaca pesanan ini mungkin juga mengingatkan ahli-ahli tentang pengalaman yang mereka dapat berkongsi di mana Tuhan menggunakan mereka untuk memberkati orang lain—atau ketika Dia menggunakan orang lain untuk memberkati mereka. Beri ahli masa untuk merenungkan apa yang mereka rasa diilhamkan untuk lakukan kerana perbincangan ini.

Bonnie L. Oscarson, “Keperluan Di Depan Kita”

Satu cara untuk memulakan perbincangan mengenai pesanan Sister Oscarson adalah untuk memberi setiap orang satu kertas dengan “Siapa memerlukan saya hari ini?” ditulis di bahagian atas. Ahli-ahli Lembaga Pertolongan atau kuorum anda boleh mengambil masa beberapa minit untuk memikirkan dan menyenaraikan jawapan kepada soalan ini. Kemudian mereka dapat mencari pesanan Sister Oscarson untuk idea-idea tentang bagaimana mereka dapat melayani orang-orang dalam senarai mereka atau menambah nama seperti yang diilhamkan. Beberapa orang dapat berkongsi apa yang telah mereka pelajari.

Dallin H. Oaks, “Rancangan dan Perisytiharan”

Bagaimanakah ahli kuorum, kumpulan, atau Lembaga Pertolongan anda akan bertindak atas jemputan Elder Oaks untuk “mengajar [dan] mengikuti” pengisytiharan

keluarga, di rumah, di dalam masyarakat, dan di gereja? Jemput mereka untuk berkongsi idea dengan satu sama lain. Ia juga boleh membantu dengan mencari pesanan untuk beberapa pernyataan ajaran dari pengisytiharan keluarga. Bagaimanakah pernyataan ini membantu kita bertindak balas kepada “cabaran-cabaran keluarga hari ini”? Bahagian IV pesanan Elder Oaks mengandungi beberapa contoh pernyataan tersebut.

D. Todd Christofferson, “Roti Hidup Yang Turun dari Syurga”

Berikut adalah beberapa soalan yang boleh difikirkan oleh ahli Lembaga Pertolongan dan kuorum ketika mereka mengkaji pesanan Elder Christofferson: Apakah itu kekudusan? Bagaimanakah kita mencari kekudusan? Bagaimanakah pengambilan sakramen membantu kita dalam usaha kita? Ahli-ahli boleh berkongsi kata-kata dari pesanan Elder Christofferson yang membantu menjawab soalan-soalan ini. Bagaimanakah kita membantu satu sama lain sebagai “orang suci” dalam usaha kita untuk menjadi lebih kudus?

Jeffrey R. Holland, “Jadilah Sempurna—Pada Akhirnya”

Ada di kalangan yang anda ajari mungkin merasakan mereka tidak layak dalam menghidupi ajaran-ajaran Juruselamat. Apakah yang Elder Holland ajarkan yang dapat menenangkan dan menggalakkan mereka yang merasa sedemikian? Anda dapat mengundang Lembaga Pertolongan atau ahli kuorum untuk mencari sesuatu dalam pesanan ini yang dapat mereka kongsi kepada seseorang yang sukar untuk merasakan bahawa mereka “cukup baik.” Atau mereka boleh mencari sesuatu dalam pesanan ini yang mengilhamkan mereka untuk merasakan “kasih lebih besar dan penghargaan terhadap [Kristus] dan keinginan lebih besar untuk menjadi seperti Dia.” Gary E. Stevenson, “Gerhana Rohani” Adakah sesiapa di kalangan ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan anda yang mengalami gerhana rohani? Jika demikian, anda boleh mengundang mereka untuk menjelaskan analogi yang dikongsi oleh Elder Stevenson tentang “gerhana rohani.” Apakah halangan-halangan yang dapat “menghalang magnitud, keterangan, dan

kehangatan dari cahaya “Yesus Kristus dan injil-Nya”? Bagaimanakah media sosial mengalihkan kita dari “keindahan, kehangatan, dan terang syurgawi injil”? Bagaimana kita menggunakan “cermin mata injil” yang dapat melindungi kita dari kebutaan rohani? Apakah analogi Elder Stevenson mengajar kita tentang mengekalkan perspektif injil? Quentin L. Cook, “Perkara Harian Biasa Yang Abadi” Pesanan Elder Cook mengingatkan kita tentang kepentingan untuk cuba untuk menjadi rendah hati dalam pelbagai cara. Salah satu cara untuk membincangkan apa yang dia ajari ialah untuk membahagikan para ahli kepada dua kumpulan. Minta satu kumpulan untuk mencari cadangan-cadangan dalam pesanan Elder Cook yang dapat membantu kita untuk membentuk kerendahan hati, dan kumpulan lain mencari ciri orang yang menunjukkan keangkuhan. Jemput setiap kumpulan untuk berkongsi huraian mereka dengan kumpulan lain. Para ahli juga boleh berkongsi cara-cara mereka dapat menunjukkan lebih “kerendahan hati harian” dalam kehidupan mereka dan mempertimbangkan bagaimana kerendahan hati dapat membantu mereka bersedia untuk bertemu Tuhan.

Gary E. Stevenson, “Gerhana Rohani”

Adakah sesiapa di kalangan ahli kuorum atau Lembaga Pertolongan anda yang mengalami gerhana rohani? Jika demikian, anda boleh mengundang mereka untuk menjelaskan analogi yang dikongsi oleh Elder Stevenson tentang “gerhana rohani.” Apakah halangan-halangan yang dapat “menghalang magnitud, keterangan, dan kehangatan dari cahaya “Yesus Kristus dan injil-Nya”? Bagaimanakah media sosial mengalihkan kita dari “keindahan, kehangatan, dan terang syurgawi injil”? Bagaimana kita menggunakan “cermin mata injil” yang dapat melindungi kita dari kebutaan rohani? Apakah analogi Elder Stevenson mengajar kita tentang mengekalkan perspektif injil?

Quentin L. Cook, “Pekara Harian Biasa Yang Abadi”

Pesanan Elder Cook mengingatkan kita tentang kepentingan untuk cuba untuk menjadi rendah hati dalam pelbagai cara. Salah satu cara untuk membincangkan apa yang dia ajari ialah untuk membahagikan

para ahli kepada dua kumpulan. Minta satu kumpulan untuk mencari cadangan-cadangan dalam pesanan Elder Cook yang dapat membantu kita untuk membentuk kerendahan hati, dan kumpulan lain mencari ciri orang yang menunjukkan keangkuhan. Jemput setiap kumpulan untuk berkongsi huraian mereka dengan kumpulan lain. Para ahli juga boleh berkongsi cara-cara mereka dapat menunjukkan lebih “kerendahan hati harian” dalam kehidupan mereka dan mempertimbangkan bagaimana kerendahan hati dapat membantu mereka bersedia untuk bertemu Tuhan.

Ronald A. Rasband, “Dengan Rancangan Ilahi”

Untuk menggalakkan perbincangan tentang pesanan Elder Rasband, ia mungkin membantu untuk mengundang beberapa ahli untuk membawa sebuah corak jahitan, sebuah cetak biru, atau sebuah resipi dan bincangkan bagaimana ini berguna. Apakah contoh-contoh atau ajaran-ajaran dari pesanan Elder Rasband mengilhami para ahli untuk mengenali rancangan Tuhan untuk hidup mereka? Mungkin para ahli kelas boleh berkongsi pengalaman-pengalaman di mana mereka telah melihat Tuhan mengarah hidup mereka. Apakah yang telah mereka lakukan untuk menunjukkan kepada Tuhan bahawa mereka “menghargai” arahan Dia? Mengapakah ia sangat penting untuk mengenali “rancangan ilahi” Tuhan?

Russell M. Nelson, “Kitab Mormon: Apa Akan Terjadi Kepada Hidup Anda Tanpa Ia?”

Presiden Nelson mengundang para ahli untuk berfikir tentang tiga soalan: (1) “Apakah akan terjadi kepada hidup anda tanpa Kitab Mormon?” (2) “Apakah akan anda tidak tahu?” (3) “Apakah akan anda tidak ada?” Jemput ahli kuorum anda, kumpulan, atau Lembaga Pertolongan untuk merenung soalan-soalan ini dan berkongsi jawapan mereka. Apakah mereka temui dalam pesanan ini yang mengilhami mereka untuk menilai Kitab Mormon lebih daripada “berlian atau delima”?

Dale G. Renlund, “Kuasa Imamat dan Penebusan Juruselamat”

Bagaimana anda boleh menolong ahli dalam kuorum anda atau Lembaga

Pertolongan memahami bagaimana imamat membantu untuk menjadikan berkat-berkat Korban Tebusan Juruselamat tersedia bagi mereka? Anda boleh menulis dua tajuk ini di papan tulis: “Mengapa kita memerlukan Korban Tebusan Yesus Kristus” dan “Bagaimana imamat menyampaikan berkat-berkat Korban Tebusan kepada kita.” Kemudian jemput para ahli untuk mencari pesanan Elder Renlund, cari frasa-frasa untuk ditulis dibawah setiap tajuk. Bagaimana imamat dan tatarannya membantu menggenapi tujuan Bapa Syurgawi untuk anak-anak-Nya?

Dieter F. Uchtdorf, “Pemegang Cahaya Syurgawi”

Jemput para ahli untuk mencari pesanan Presiden Uchtdorf dan mengenal pasti bagaimana kehadiran atau ketidakhadiran cahaya ilahi dapat mempengaruhi hidup kita. Anda boleh mengundang para ahli untuk membaca beberapa tulisan suci rujukkan Presiden Uchtdorf dan mengenal pasti kebenaran-kebenaran yang berkaitan tentang cahaya rohani. Apakah metafora tentang gerhana ajar kita tentang peranan hak pilihan dalam mencari cahaya rohani? Apakah yang boleh kita lakukan untuk berkongsi cahaya ilahi Yesus Kristus kepada orang lain, terutamanya kepada keluarga kita dan kepada “remaja kita, yang sedang mencari cahaya”?

Henry B. Eyring, “Tuhan Memimpin Gereja-Nya”

Undang ahli kuorum anda atau Lembaga Pertolongan untuk berkongsi pengalaman-pengalaman di mana mereka perlu untuk membina iman bahawa panggilan mereka atau panggilan orang lain datang dari Tuhan. Bagaimanakah mereka menjalankan iman mereka? Bagaimanakah mereka mempelajari bahawa panggilan datang dari Tuhan? Undang para ahli untuk mencari pesanan Presiden Eyring dan mengenal pasti kebenaran-kebenaran dia pelajari dari pengalaman peribadi yang dapat membantu kita percaya dan bersabar dengan diri kita dan orang lain telah Tuhan panggil.

Jean B. Bingham, “Agar Sukacita Anda Akan Menjadi Penuh”

Pesanan Sister Bingham dapat membantu ahli Lembaga Pertolongan anda

atau kuorum memahami bagaimana untuk mencari sukacita, tanpa mengira kesukaran hidup, ketika kita datang kepada Kristus. Satu cara untuk membincangkan pesanan dia mungkin dengan melukis sebuah jalan pada papan tulis yang menuju ke perkataan sukacita. Undang beberapa ahli untuk menulis di jalan sebuah cadangan dari pesanan Sister Bingham yang menuju kepada sukacita sejati. Galakkan para ahli untuk memikirkan cara-cara mereka dapat bertindak atas nasihat Sister Bingham. Undang beberapa ahli untuk berkongsi pendapat mereka.

David A. Bednar, “Janji-Janji yang Sangat Baik dan Berharga”

Untuk membantu ahli dalam Lembaga Pertolongan anda atau kuorum membincangkan pesanan Elder Bednar, anda boleh meletakkan gambar-gambar di papan tulis untuk mewakili Hari Sabat, bait suci, dan rumah kita. Jemput ahli untuk membaca bahagian sama dalam pesanan Elder Bednar dan tuliskan di papan tulis bagaimana Hari Sabat, bait suci, dan rumah kita membantu kita untuk menumpu kepada janji-janji Tuhan terhadap kita. Apakah hal-hal dalam hidup kita yang mungkin menarik perhatian kita daripada janji-janji ini? Apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil untuk memastikan kita mengingati mereka?

Henry B. Eyring, “Janganlah Takut Melakukan yang Baik”

Pesanan Presiden Eyring dapat membantu orang yang anda ajari untuk mencari keberanian dan iman untuk melakukan yang baik di dunia. Anda boleh menjemput beberapa ahli untuk meringkaskan contoh-contoh orang beriman yang Presiden Eyring kongsi. Apakah yang contoh-contoh ini ajar kita tentang bagaimana untuk melayani orang lain? Apakah yang contoh-contoh ini cadangkan tentang cara-cara kita dapat melayani sebagai sebuah kuorum atau Lembaga Pertolongan?

Cara lain untuk membincangkan pesanan ini adalah dengan menyemak berkat-berkat yang Presiden Eyring lihat dari mengikuti nasihat Presiden Thomas S.



Monson untuk membaca Kitab Mormon. Apakah berkat-berkat yang telah kita lihat dari membaca Kitab Mormon?

M. Russell Ballard, “Perjalanan Diteruskan!”

Untuk memulakan perbincangan tentang pesanan Elder Ballard, anda boleh menjemput seseorang untuk berkongsi pengalaman ketika mereka memiliki sebuah destinasi tetapi menyedari mereka berada di laluan yang salah. Bagaimana contoh-contoh seperti ini berkait dengan “perjalanan” peribadi kita untuk balik kepada Bapa Syurgawi? Para ahli boleh kemudian mencari nasihat dan amaran-amaran yang Elder Ballard berikan yang dapat membantu kita mengetahui sekiranya kita menuju ke jalan yang betul dalam hidup kita. Berikan para ahli masa untuk merenung jalan mereka sendiri dan untuk membincangkan cara-cara kita dapat membantu dan menggalakkan orang lain dalam “perjalanan” mereka balik kepada Bapa Syurgawi.

Neil L. Andersen, “Suara Tuhan”

Mungkin ahli dalam Lembaga Pertolongan anda atau kuorum boleh berkongsi sebuah pengalaman di mana pesanan persidangan umum terasa begitu bermakna kepada mereka. Mengapakah pesanan-pesanan ini bermakna? Apakah yang Elder Andersen ajarkan tentang pengaruh pesanan persidangan umum dan usaha dan proses yang terlibat dalam menyediakan mereka? Bagaimanakah pengetahuan ini mempengaruhi kepentingan tentang yang kita pelajari dan mendengar kepada perkataan-perkataan ini? Pertimbangkan untuk membuat sebuah senarai jemputan-jemputan dari persidangan yang terbaru ini. Apakah yang telah kita lakukan untuk bertindak atas jemputan-jemputan ini?

PERJUMPAAN AHAD YANG KEEMPAT

Pada Ahad yang Keempat setiap bulan, kuorum, kumpulan dan Lembaga Pertolongan membincangkan sebuah topik yang dipilih oleh Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul. Topik-topik ini akan dikemas kini dengan setiap persidangan umum. Topik sehingga persidangan umum seterusnya adalah Hari Sabat. Pemimpin dan pengajar boleh memilih dari ajaran-ajaran dan aktiviti pembelajaran yang dicadangkan di bawah, gabungkan beberapa dari mereka, atau mencipta sendiri mengikut keperluan para ahli.

Hari Sabat ialah hari untuk mengingati apa yang Tuhan telah lakukan untuk kita.

Sepanjang sejarah, Tuhan telah mengerjakan beberapa pekerjaan hebat dengan Hari Sabat. Pekerjaan hebat ini termasuk Penciptaan (lihat Kejadian 2:1–3), pengeluaran anak-anak Israel dari Mesir (lihat Ulangan 5:15), dan Kebangkitan Yesus Kristus (lihat Yohanes 20:1–19; Kisah Rasul-Rasul 20:7). Jemput ahli untuk menyemak petikan-petikan ini dan bincangkan bagaimana mengingati setiap kejadian ini dapat membantu kita menghormati Hari Sabat. Apakah beberapa pekerjaan hebat yang Tuhan telah lakukan untuk kita? Bagaimanakah kita mengingati hal-hal ini pada Hari Sabat? Jika sesuai, jemput para ahli untuk membincangkan soalan-soalan ini bersama keluarga mereka.

Yesus Kristus ialah Tuhan Hari Sabat.

Sabat juga digelar hari Tuhan (lihat Wahyu 1:10). Mengapakah Yesus Kristus digelar Tuhan hari sabat? (lihat Matius 12:8). Kaji semula beberapa ayat suci yang dapat membantu mengilhamkan para ahli untuk memikirkan cara untuk menumpukan pengalaman Hari Sabat mereka pada Yesus Kristus (sebagai contoh, Helaman 5:12; Eter 12:41; Moroni 10:32; dan A&P 6:36–37). Apakah ayat lain yang ahli dapat kongsi yang membantu mereka menjadikan Hari Sabat lebih tertumpu kepada Kristus? Apakah matlamat yang dapat kita tentukan untuk membantu kita

lebih tertumpu kepada Juruselamat sepanjang Hari Sabat?

Yesus Kristus merupakan contoh kita untuk menghormati Sabat.

Sewaktu pelayanan fana-Nya, Juruselamat mengambil peluang untuk mengajar tentang Hari Sabat. Minta ahli untuk membaca laporan berikut dan membuat senarai perkara-perkara yang Yesus lakukan pada Hari Sabat dan asas-asas yang Dia ajarkan. Lukas 6:1–11; 13:11–17; Yohanes 5:1–20; 9:1–16. Apakah asas-asas lain tentang Hari Sabat yang kita pelajari dari ayat-ayat berikut? Keluaran 20:8–11; 31:12–18; Yesaya 58:13–14; dan A&P 59:9–19. Jemput ahli untuk berkongsi apa yang mereka dapat lakukan untuk mengingati contoh Juruselamat.

Lihat juga Russell M. Nelson, “Hari Sabat Adalah Satu Kebahagiaan,” *Ensign* atau *Liahona*, Mei 2015, 129–32.

Hari Sabat merupakan hari untuk menyembah.

Tuliskan perkataan menyembah di papan tulis dan minta ahli kelas untuk menulis perkataan lain yang berkaitan di tepi. Kemudian lukis tiga lajur dengan perkataan sebelum, sewaktu, dan selepas di atas setiap kolom. Apakah yang kita dapat lakukan sebelum, sewaktu, dan selepas gereja untuk menyembah Tuhan pada hari kudus-Nya? Ahli kelas boleh membaca bersama Mosia 18:17–29 dan Moroni 6 untuk idea-idea. Jemput para ahli untuk merenung bagaimana sikap dan perbuatan mereka pada Hari Sabat yang membantu mereka untuk menyembah Tuhan pada hari tersebut (lihat Keluaran 31:16–17). Apakah yang dapat kita lakukan untuk memperbaiki pengalaman penyembahan keluarga kita dan ahli baha-gian semasa pertemuan gereja?

Mengambil sakramen membenarkan kita untuk memiliki Roh bersama kita selalu.

Tuliskan soalan berikut pada papan tulis: Bagaimana sakramen mempengaruhi hidup anda? Untuk menjawab soalan ini, jemput para ahli untuk bekerja dalam pas-

angan untuk memilih dan membincangkan satu frasa dari doa sakramen dalam Ajaran dan Perjanjian 20:77, 79 dan nasihat dalam Ajaran dan Perjanjian 59:9. Berikan setiap pasangan masa untuk mencari ayat-ayat suci yang membantu mereka lebih memahami frasa mereka dan bincangkan bagaimana mereka akan menjawab soalan di papan tulis. Anda juga boleh jemput ahli kelas untuk memilih lagu rohani kegemaran dan nyanyikan bersama.

Lihat juga Cheryl A. Esplin, “Sakramen—Pembaharuan bagi Jiwa,” *Ensign* atau *Liahona*, Nov. 2014, 12–14.

Hari Sabat merupakan hari untuk melayani orang lain.

Apakah yang boleh kita pelajari tentang melayani orang lain pada Hari Sabat dari cara Juruselamat melayani dan memberkati orang di sekeliling-Nya? Galakkan para ahli untuk menyemak dan bincang Matius 9:10–13; Lukas 19:1–9; Yohanes 11:32–46; 13:1–5, 12–17; dan 3 Nefi 17:5–10. Minta para ahli untuk berfikir tentang ayat-ayat suci ini sewaktu mereka mempertimbangkan bagaimana mereka dapat melayan pada Hari Sabat. Sebagai contoh, mereka dapat melayani ahli keluarga, menjangkau individu dan keluarga mereka melayani sebagai pengajar berkunjung, bekerja dalam sejarah keluarga, melawat yang sakit dan berkongsi injil. Mungkin para ahli boleh mengadakan sebuah majlis keluarga untuk membincangkan cara mereka dapat melayani pada Hari Sabat.

